

**MENYINGKAP KHAZANAH SUNNAH
RASULULLAH S.A.W.
MENERUSI METODOLOGI *TAKHRIJ* HADITH
& PEMAHAMAN *MUKHTALIF* HADITH**

**Mohammad Fattah
Dr. Latifah binti Abdul Majid
Dr. Ahamad Asmadi bin Sakat**

ABSTRAK

Menyingkap khazanah sunnah Rasulullah s.a.w. sama ada yang disabdakan, diamal dan dipersetujui ibarat membina binaan yang kukuh sebagai tempat perlindungan bagi umat Islam sejagat. Justeru para ulama hadith berusaha mencari metode untuk menyingkap sekaligus memelihara khazanah suci ini. Antara metode dan kaedah yang sedia diguna pakai adalah metode *takhrij* dan memahami *mukhtalif hadith*. Dua metode ini sangat efektif untuk mengetahui beribu-ribu kewujudan hadith bahkan penentuan statusnya samada boleh digunapakai sebagai hujah atau tidak. Pengkaji dengan sedaya upaya memberikan pemahaman terhadap penggunaan dua metode ini melalui pendedahan tentang pengertian dan perkembangannya. Metode kajian ini adalah analisis dokumen dengan merujuk kepada kitab-kitab hadith untuk mendapatkan sumber yang tepat dan sahih. Kemudian menyusulinya dengan memberikan contoh-contoh ringkas untuk mengukuhkan pengertian berkenaan. Kajian mendapati bahawa metode *takhrij* dan pemahaman terhadap *mukhtalif* hadith merupakan usaha yang mesti mendapatkan penghargaan disebabkan dua metode ini dapat memelihara kemurnian sunnah Rasulullah s.a.w. sepanjang zaman. Kata kunci: Sunnah, Metodologi, *Takhrij*, *Mukharrij*, *Mukhtalif hadith*.

ABSTRACT

Reminiscing on the treasures of the Prophet's (SAW) sunnah, whether those said, practiced and agreed is similar to constructing strong monument as shelters for the entire Muslim ummah. Hence, the ulama of hadith effortlessly find methods in protecting the authenticity of its priceless treasures. Among the current methodology and existing ways practiced are the methods of *takhrij* and understanding of *mukhtalif hadith*. These two methods are highly effective in understanding thousands of existing hadith, more importantly in determining the status-whether it can be used as an argument or otherwise. In order to grasp profound understanding of this usage researches have exposed themselves by understanding its growth and development. This kind of method is an analysis of document with reference to the book of hadith in order to obtain its précised and genuine source. In addition, it is followed by short examples to strengthen its meaning. Research has shown that method of *takhrij* and understanding of *mukhtalif hadith* is an effort must be highly appreciated as these two methods could protect the sanctity of the sunnah of the Prophet (SAW) until the end of time.

Key words: Sunnah, Methodology, *Takhrij*, *Mukharrij*, *Mukhtalif hadith*.

PENDAHULUAN:

Segala pujian hanya bagi Allah s.w.t. Yang telah mengutus baginda Rasulullah s.a.w. sebagai rahmat bagi alam semesta. Selawat dan salam semoga tetap terus mengalir kepadanya, keluarganya dan para sahabatnya.

Pada masa mutakhir ini, banyak dijumpai pelbagai tuduhan dan kritikan terhadap panduan umat Islam kedua selepas al-Quran iaitu Hadith Nabi s.a.w. Daniel W. Brown, (t.th. 10) mempersoalkan hal demikian dalam bukunya yang bertajuk “Menyoal Relevansi Sunnah dalam Islam Moden” dan telah cuba menimbulkan keraguan terhadap kaum muslimin mengenai peranan sunnah Rasulullah s.a.w. di dalam kehidupan mereka. Serangan ini telah dijawab oleh ulama Islam di dalam pelbagai wacana untuk menjaga kemurnian dan keaslian hadith Nabi s.a.w. Metodologi mereka adalah menerusi takhrij hadith, meneliti kedudukan hadith sama dari segi *sanad* dan *matan*. Justeru, kertas kerja ini, mendedahkan mengenai Ilmu *Takhrij* dan *Mukhtalif Hadith*, terutama dari aspek teori dan praktis sekaligus. Contoh takhrij hadith yang sedia digunakan adalah mengikut metod *takhrij tafsili* (takhrij lengkap) ataupun *takhrij ijmal* (takhrij ringkas). Berikut ini takhrij hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi yang bermaksud: daripada Abu Ayyub al-Ansari berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Empat perkara termasuk sunnah rasul yang diutus iaitu malu, memakai wangi-wangian, bersugi dan menikah”. Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal dalam *musnadnya* nombor hadith 23628, al-Tabrani dalam *Al-Mu^hjam al-Kabir* nombor hadith 749, 1145 dan 4085. Ibnu Abi Syaibah dalam *Al-Musannaf fi al-Ahadith wa al-Athar* nombor hadith 1802 dan Al-Bayhaqi dalam *Syu^hab al-Iman*, bab malu dan pembahagiannya nombor hadith 7717.

METODOLOGI PENULISAN:

Metod analisis dokumen dalam penulisan kertas kerja ini adalah sangat mendominasi, dengan tujuan untuk memberikan pendedahan mengenai teori ilmu *takhrij* dan *mukhtalif* hadith. Bentuk penulisan yang demikian, berfungsi sebagai penghantar bagi kerja-kerja menyingkap khazanah sunnah Rasulullah s.a.w. Kemudian teori tersebut dilengkapi dengan contoh-contoh kegunaan ilmu takhrij dan *mukhtalif hadith* yang sudah sedia digunakan oleh para ulama dalam memperbahaskan beberapa hadith. Dengan demikian, maka hasil penggunaan metod ini, dapat memberikan kefahaman bahawa

ilmu *takhrij* dan *mukhtalif hadith* merupakan bidang ilmu yang sentiasa menjaga kemurnian dan keaslian sunnah-sunnah Rasulullah s.a.w.

TAKRIF ILMU TAKHRIJ HADITH:

Menurut Abu al-Laith al-Khaira Abady (2005:30) Ilmu *takhrij* hadith ialah ilmu yang membahas tentang asas dan cara/kaedah mengetahui tempat-tempat wujudnya hadith Nabi s.a.w. sama ada yang menjadi *mutabi*^c atau *syahid* dan untuk mengetahui status hadith berkenaan sama ada diterima atau ditolak. *Syawahid/syahid* adalah hadith yang mempunyai beberapa salasilah sanad berbeza yang dikeluarkan oleh perawi hadith. Sama ada perbezaan tersebut bermula daripada awal sanad atau hanya diperingkat sahabat sahaja. Sedangkan *Mutabi*^c adalah sanad yang sama baik di peringkat sahabat atau selepasnya.

MANFAAT MEMPELAJARI ILMU TAKHRIJ HADITH:

Antara manfaat mempelajari Ilmu *Takhrij* Hadith secara ringkasnya ialah:

1. Mengenal rujukan dan sumber-sumber kitab hadith.
2. Mengumpul sebanyak mungkin sanad-sanad hadith.
3. Mengenal status sanad dengan cara meneliti *thuruq/sanad* hadith yang dijumpai.
4. Memperkukuh kedudukan hadith.
5. Mengetahui satu atau lebih kedudukan hadith yang dikemukakan oleh para ulama.
6. Membezakan perawi yang masih *muhmal* yang terdapat dalam sanad.
7. Mendedahkan perihal *mubham* samada yang terdapat dalam sanad atau matan.
8. Menghilangkan keraguan terhadap hadith *mu^can-^can* yang diriwayatkan oleh seorang perawi *mudallis*.
9. Menghilangkan keraguan terhadap suatu riwayat yang bersumber daripada perawi yang belum jelas. (*al-Rawi al-Mukhtalif*).
10. Menjumpai penjelasan bagi lafaz-lafaz *gharib* yang terdapat dalam matan hadith.
11. Menolak dakyah sebuah hadith yang disebut sebagai hadith *syad*.
12. Menjelaskan hadith *mudraj* yang terdapat dalam matan hadith.
13. Melengkapi kekurangan yang terdapat dalam sanad dan matan hadith.

14. Mengenalpasti penambahan yang terdapat dalam sanad dan matan hadith.
15. Membetulkan kesilapan dan kesalahan para perawi mengenai riwayat suatu hadith.
16. Mengenalpasti riwayat hadith yang diriwayatkan secara *lafdzi* atau *maknawi* sahaja.
17. Mengenalpasti hubungan antara waktu dan tempat berlakunya suatu peristiwa yang dihuraikan dalam hadith.
18. Mengenalpasti kesalahan cetak atau terbitan kitab-kitab hadith.

Imam al-Zayla^{ci} (2006:45) berkata: Tugas seorang muhaddith adalah menyelidik asal hadith, kemudian membuat pemerhatian; siapakah yang mengeluarkan (mengemukakan) hadith berkenaan dan tidak meragunya setiap perubahan; perbezaan lafaz-lafaz atau para perawi yang terdapat dalam hadith berkenaan.

JENIS-JENIS METODE *TAKHRIJ* HADITH & PERKEMBANGANNYA:

Beberapa metodologi atau kaedah yang dapat dilakukan untuk mencari kewujudan suatu hadith, adalah sepertimana berikut:

- a. Takhrij hadith dengan cara mengenalpasti perawi daripada kalangan sabahat Nabi s.a.w.
- b. Takhrij hadith dengan cara mengenalpasti awal lafaz matan.
- c. Takhrij hadith dengan cara mengenalpasti kalimah *gharibah* (jarang digunapakai) di dalam hadith berkenaan.
- d. Takhrij hadith dengan cara mengenalpasti tajuk (perbahasan ^{am}).
- e. Takhrij hadith dengan cara meneliti perihal hadith samada dari aspek sanad atau matan. (Abu al-Laith al-KhairaAbady:2005:23)

Perkembangan teknologi pula memberikan kesan positif bagi kerja takhrij hadith. Istilah ini lebih dikenal dengan komputerisasi takhrij hadith. Justeru, takhrij hadith di masa sekarang dapat dilakukan dengan menggunakan perisian/CD yang memuat kitab-kitab hadith seperti *Maktabah Alfiyyah li al-Ahadith an-Nabawiyyah*, *Al-Mausu^{ah} al-Dzahabiyyah*, *Maktabah al-Hadith wa ^Ulumih*, *al-Maktabah al-Shamilah* dan lain-lain. Pada zaman dahulu lagi, kerja takhrij hanya

dilakukan dengan cara manual iaitu mencari hadith-hadith yang di maksud secara satu-persatu di dalam kitab-kitab yang sedia ada. Apapun, kerja takhrij sama ada berkomputer ataupun tidak, keduanya mempunyai kelebihan dan kelemahan masing-masing.

SYARAT-SYARAT MENJADI SEORANG MUKHARRIJ:

Apabila seseorang hendak mentakhrij hadith, syarat yang mesti dimiliki adalah sebagaimana berikut:

- a. Memiliki ilmu pengetahuan yang luas mengenai ilmu Bahasa Arab.
- b. Mengenalpasti ilmu *‘Ulum al-Hadith* dan istilah-istilah yang berkaitan dengannya.
- c. Memiliki pengetahuan yang memadai mengenai kitab-kitab hadith, metodologi pengarangnya, cara penyusunan dan tingkatannya.
- d. Mempunyai kemahiran tentang keadah takhrij, kelebihan dan kelemahannya, lebih daripada itu dapat mengenal pasti kitab-kitab yang boleh digunapakai menerusi jenis-jenis metodologi takhrij yang sedia ada.
- e. Memiliki sifat sabar ketika melakukan kerja takhrij dan tidak boleh dikerjakan dalam keadaan tergesa-gesa.

TAKRIF MUKHTALIF HADITH:

Menurut Syed Abdul Majid Ghouri (2011:245) *Mukhtalif* Hadith ialah ajaran, sabda dan perilaku Rasulullah s.a.w. yang mengandungi hukum, arahan dan petunjuk yang nampak saling bercanggah antara satu hadith dengan yang lainnya, namun pada hakikatnya kedua-duanya tidak bercanggah. Contoh percanggahan ini terdapat dalam satu hadith yang mengharamkan suatu perkara sedangkan hadith yang lain menghalalkannya, atau wujud satu hadith yang menunjukkan kepada pelarangan suatu perkara untuk dilakukan sedangkan hadith kedua menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w. melakukannya.

BENARKAH WUJUD HADITH-HADITH YANG SALING BERCANGGAH?

Menurut Hafiz Firdaus Abdullah (2007:3): Jumhur ilmuan Islam menyatakan bahawa hadis-hadis Rasulullah s.a.w. yang dikatakan bercanggah hanyalah merupakan pandangan dan fahaman sementara seseorang itu sahaja. Percanggahan tersebut tidak wujud secara hakiki atau sebenar.

Punca seseorang itu berpendapat sesuatu hadis adalah bercanggah adalah kerana ketidaktahuannya terhadap cara menyelaras, menolak dan menghilangkan percanggahan antara dua hadis. Seperti ketidaktahuannya terhadap status kekuatan isnad hadis - antara yang *sahih* dan *da'if*, antara hadis *nasikh* dan mansukh, kaedah-kaedah *tarjih* dan kekeliruan dalam memahami maksud sebenar antara dua hadis. Dalam ertikata lain, percanggahan antara hadis hanyalah sesuatu yang berbentuk fiktif, bukan hakiki.

Kekeliruan dalam memahami maksud sebenar suatu hadis boleh terjadi kerana kelemahan pengetahuan bahasa Arab, tidak mengkaji keseluruhan teks hadis, tidak mengkaji sebab munculnya hadis, tidak membanding dengan lain-lain hadis yang berkaitan dan tidak faham akan seluruh ruh dan tujuan syari'at. Justeru, hadith-hadith yang bercanggah itu tidak wujud dan boleh digunakan pelbagai cara untuk menyatukannya sebagaimana perbincangan berikut.

KAEDAH MENGATASI HADITH-HADITH SALING BERCANGGAH:

Kaedah, cara atau metode yang dapat dilakukan untuk memahami zahir hadith-hadith yang saling bercanggah, sebagaimana berikut:

1. Memerhati dan meneliti taraf dan tingkatan kesemua hadith yang bercanggah. Jika wujud percanggahan antara hadith yang kukuh (hadith *sahih* atau *hasan*) dengan hadith yang berstatus lemah (hadith *da'if*), maka percanggahan tersebut dapat diatasi dengan meninggalkan hadith yang lemah.
2. Memerhati dan meneliti hadith-hadith tersebut, samada salah satunya telah di naskah oleh hadith yang lainnya.
3. Menyesuaikan dan menyelaraskan antara hadith-hadith yang bercanggah tersebut dengan mengambil tumpuan terhadap lafaz dan dengan cara sebagaimana berikut:
 - a. Jika salah satu hadith yang bercanggah tersebut mempunyai lafaz ^{am} sedangkan yang lain mempunyai lafaz khas, maka hadith yang berlafaz khas tersebut menghadkan keumuman hadith lainnya.
 - b. Jika salah satu hadith yang bercanggah tersebut mempunyai lafaz mutlak sedangkan yang satu lagi berlafaz *muqayyad*, maka hadith yang berlafaz *muqayyad* berperan menjelaskan hadith yang bersifat mutlak.

- c. Jika salah satu hadith yang bercanggah tersebut merupakan hadith *qauli* (perkataan/sabda) dan hadith lainnya merupakan hadith *fi'li* (perbuatan), maka hadith *fi'li* berperan menghuraikan maksud yang sebenar bagi hadith *qauli*.
 - d. Mentakwil salah satu daripada hadith tersebut dengan mencari erti dan maksud zahir suatu lafaz dan menggunakan pengertian lain yang dijumpai dengan syarat makna dan pengertian itu tidak bercanggah dengan al-Quran dan sunnah baginda s.a.w.
 - e. Menyelidik maksud dan tujuan sebenar bagi sesebuah hadith dengan memberikan tumpuan terhadap susunan kalimah dan erti perkataannya.
4. Percanggahan juga dapat diatasi dengan kaedah dan cara meneliti perkara-perkara berikut:
 - a. Kepada siapakah hadith itu ditujukan?.
 - b. Keadaan dan masa hadith itu disampaikan.
 5. Percanggahan juga dapat diatasi dengan memahami seluruh maksud hadith yang zahirnya bertentangan, sebab boleh jadi antara-kedua-dua hadith tersebut mempunyai hubungkait atau kedua-duanya saling melengkapi.
 6. Jika kaedah dan cara ke 3, 4 dan 5 tidak dapat digunapakai juga, maka kaedah selanjutnya adalah menggunakan kaedah *tarjih*, sebagaimana berikut:
 - a. Mendahulukan hadith yang berunsur larangan ke atas hadith yang mengharuskan.
 - b. Mendahulukan hadith yang mempunyai hukum yang sama dengan hadith-hadith lain ke atas hadith-hadith yang tidak disokong oleh dalil-dalil lain daripada al-Quran, sunnah, ijma' ulama dan amalan para sahabat dan lain-lainnya.
 - c. Mendahulukan hadith yang memiliki *turuq* (*sanad*) yang berbilang ke atas hadith yang memiliki *turuq* (*sanad*) yang lebih sedikit.
 - d. Mendahulukan hadith yang bersifat keketapan ke atas hadith yang meniadakan atau menafikan.

CONTOH MENGATASI HADITH-HADITH SALING BERCANGGAH:

Contoh hadith yang nampak saling bercanggah terdapat pada hadith yang mengetengahkan isu tiada penyakit yang berjangkit (menular) dengan tinjauan perubatan masa kini. Berikut huraianya:

Hadith yang menyatakan tiada penyakit yang berjangkit

HADITH A

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا عَدْوَى وَلَا طَيْرَةَ إِلَّا مَا الشُّؤْمُ فِي ثَلَاثٍ فِي الْفَرَسِ وَالْمَرْأَةِ وَالِدَّارِ.

(Al-Bukhari 1379: 244 nombor hadith 5438)

Maksudnya: Daripada Abdullah bin Umar r.a. berkata: Baginda Rasulullah s.a.w. bersabda: Tiadalah penyakit yang menyebar (berjangkit) dan tiada pula terdapat nasib sial itu dalam tiga hal: kuda, wanita dan rumah.

HADITH B

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا عَدْوَى قَالَ أَبُو سَلَمَةَ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ سَمِعْتُ أَبَا هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا تُورِدُوا الْمُمْرَضَ عَلَى الْمُصِحِّ وَعَنِ الزُّهْرِيِّ قَالَ أَخْبَرَنِي سِنَانُ بْنُ أَبِي سِنَانَ الدُّؤَلِيُّ أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا عَدْوَى فَقَامَ أَعْرَابِيٌّ، فَقَالَ: أَرَأَيْتَ الْإِبِلَ تَكُونُ فِي الرَّمَالِ أَمْثَالَ الطَّبَّاءِ فَبَأْتِيهَا الْبَعِيرُ الْأَجْرَبُ فَتَجْرَبُ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَمَنْ أَعْدَى الْأَوَّلِ.

(Al-Bukhari 1379: 244 nombor hadith 5439)

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah berkata: sesungguhnya Baginda Rasulullah s.a.w. bersabda: tiadalah penyakit yang menyebar (berjangkit). Abu Salamah bin Abdurrahman berkata: saya telah mendengar Abu Hurairah berkata dari Baginda Rasulullah s.a.w. bersabda: Jangan dedahkan (bergaul) orang yang sakit bagi orang yang sihat. Dan dari al-Zuhri berkata: telah mengkhabarkan kepadaku Sinan bin Abu Sinan al-Duali, bahawasanya Abu Hurairah berkata: Sesungguhnya Baginda Rasulullah s.a.w. bersabda: tiadalah penyakit itu menyebar (berjangkit), kemudian seorang badawi berdiri dan berkata: bagaimanakah apabila ada unta ditengah padang pasir seperti rusa kemudian didatangi oleh unta yang dikena penyakit gatal (kudis) dan mengena kepada unta tadi ? Baginda menjawab: Siapakah yang menjadikan penyakit bagi unta yang telah dikena pertama itu.

Hadith yang menggesa agar menghindari daripada pesakit

عن أبي هريرة يقول قال رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا عَدْوَى وَلَا طَيْبِرَةَ وَلَا هَامَةَ وَلَا نُوءَ وَفِرٌّ مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفِرُّ مِنَ الْأَسَدِ.

(Al-Bukhari 1479: 244 nombor hadith 5380)

Maksudnya: daripada Abu Hurairah berkata: Baginda Rasulullah s.a.w. bersabda: tiadalah penyakit yang berjangkit, tiadalah yang dinamakan nasib sial dengan mengguna burung, tiadalah penunda-nundaan dalam pembayaran, dan menghindarlah dari pesakit kusta sepertimana kamu menghindar daripada kejaran singa.

Para Ulama berselisih mengenai kaedah yang dapat digunakan dalam kedua-dua hadith yang tampak bercanggah itu, sesetengah mereka mengambil kaedah penggabungan, setengah lagi menyatakan kaedah *nasakh* dan sesetengah lagi mengambil kaedah *tarjih*. Namun kaedah dan pendekatan yang tepat ialah penggabungan (*al-Jam' u*) antara kedua-duanya.

HURAIAN BAGI PERKARA YANG NAMPAK BERCANGGAH DALAM HADITH DI ATAS:

Riwayat yang menyatakan: "وَفِرٌّ مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفِرُّ مِنَ الْأَسَدِ" yang bermaksud:

“Dan menghindar kamu dari orang yang berpenyakit kusta sepertimana kamu menghindar dari kejaran singa”, hanya diriwayatkan dari *sanad* ini. Hadith Abu Hurairah ini, mempunyai *shahid*, seperti yang diriwayatkan oleh Ibnu Khuzaimah dalam kitab *al-Tawakkul* (Tawakkal) dari sanad ^oAishah, lafaznya sepertimana berikut:

لَا عَدْوَى وَإِذَا رَأَيْتَ الْمَجْدُومَ فَفِرَّ مِنْهُ كَمَا تَفِرُّ مِنَ الْأَسَدِ

Maksudnya: “Tiadalah penyakit yang menyebar (berjangkit), dan apabila kamu melihat orang yang kena penyakit kusta maka menghindarlah sepertimana menghindar dari kejaran singa”.

Al-Imam Muslim juga meriwayatkan dari jalan ^oAmr bin al-Sharid al-Thaqafi dari ayahnya, dia berkata: Terdapat seorang lelaki dari utusan Bani Thaqif yang dikena penyakit kusta, kemudian Baginda Rasulullah s.a.w. mengiriskan surat kepadanya, dan isinya: “Kami telah membai’at kamu, maka baliklah”.

Ibnu Hajar al-^oAsqalany (1379: 329) menukil kenyataan Al-Qadi ^oIyad: Terdapat banyak hadith-hadith mengenai penyakit kusta ini, ada juga yang diriwayatkan dari Jabir: “Bahawasanya Baginda Rasulullah s.a.w. pernah makan bersama dengan orang yang dikena

kusta”, dan Jabir berkata: Beliau melakukan demikian, sebagai keyakinan kepada Allah dan tawakkal kepadaNya. Kenyataan beliau pula, bahawasanya Sayyidina ‘Umar dan sesetengah ulama salaf menyatakan, pantanglah makan dengan orang yang dikena penyakit kusta. Mereka berpendapat bahawa: perintah untuk menghindar darinya telah dinasakhkan lagi. Pendapat ini dikuatkan pula oleh Isa bin Dinar dari pengikut mazhab Malikiah. Al-Qadi ‘Iyad memberikan komen terhadap pendapat di atas: Manhaj yang benar dan banyak dinyatakan oleh para ulama serta boleh diambil kira ialah *nasakh* tidak berlaku terhadap mana-mana hadith di atas, akan tetapi penggabungan antara kedua-duanya (*al-Jam‘u*) sepatutnya dilakukan, iaitu: bahawa perintah untuk menghindar dan menjauhinya hanya menunjukkan kepada mubah (*istihbab*) dan keberhati-hatian saja. Sedangkan makan dengannya sebagai hal yang dibolehkan.

Pendapat ketiga ialah mentarjih salah satu daripada kedua-dua hadith diatas. Namun kumpulan ini terbagi kepada dua kumpulan: **Kumpulan pertama:** Mereka mentarjih hadith yang menunjukkan kepada tiadanya penyakit berjangkit dan melemahkan hadith yang berkenaan dengan adanya penyebaran/penularan itu. Ianya merupakan hadith *shadz* dan Aishah menafikan perkara itu. Ibnu Hajar al-‘Asqalany (1379: 329) menukil riwayat al-Imam al-Tabari yang meriwayatkan dengan sanadnya daripada Aishah: bahawasanya ada seorang perempuan yang bertanya kepadanya tentang penyakit berjangkit itu, beliau menjawab: Baginda tidak pernah mengatakan yang sedemikian, akan tetapi beliau mengatakan: Tiadalah penyakit menular. Dan beliau berkata pula: Siapakah yang memberikan penyakit terhadap unta yang dikena pertama itu. Aishah juga berkata: Saya pun mempunyai seorang hamba yang dikena penyakit seperti itu, dia makan dengan menggunakan pingganku, dia minum dengan menggunakan gelasku, dia tidur di atas tempat tidurku.

Ada beberapa hadith yang menyokong hadith dan pendapat yang menyatakan wujudnya penyebaran penyakit seperti riwayat yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah sepertimana hadith: *تَدِيمُوا النَّظَرَ إِلَى* "لا الْمَحْدُومِينَ" yang bermaksud: “Janganlah kalian berlama-lama memandang kepada orang-orang yang dikena kusta”. Namun sanad daripada hadith ini ialah *do‘if*. Begitu pula hadith yang diriwayatkan oleh Abu Nu‘aim dari sanad Abdullah bin Abi Aufa secara marfu’: “كَلِّمِ الْمَحْدُومَ وَبَيْنَكَ وَبَيْنَهُ قَيْدَ رَمْحَيْنِ” yang bermaksud: “Berbicaralah dengan

orang yang dikena kusta, namun antara kamu dengannya sejauh 2 penggalah (tongkat)”. Sanad hadith ini digolongkan sebagai sanad yang amat da‘if. Contoh yang diriwayatkan oleh al-Tabari dari jalan Mu‘ammar dari al-Zuhri bahawasanya ‘Umar berkata kepada orang yang dikena penyakit ini, duduklah antara aku denganmu sekadar jarak tombak (setombak), begitu pula yang diriwayatkan dari sanad Kharijah bin Zaid bahawasanya ‘Umar berkata demikian. Namun sanad kedua-dua hadith tersebut merupakan sanad yang terputus (*munqathi‘*). Adapun hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dari sanad al-Sharid, tidak ada penjelasan bahawa orang yang sakit itu akibat dari kusta. Dalam perkara seperti ini kaedah tarjih tidak mungkin dilakukan selagi kaedah menggabungkan kedua-dua hadith yang bercanggah masih memungkinkan. Dan kaedah menggabungkan itulah yang lebih utama.

Kumpulan kedua dari kumpulan yang menyatakan adanya tarjih iaitu: mereka menolak hadith yang menyatakan tiada penyakit yang menyebar/berjangkit. Sebab Abu Hurairah sendiri membatalkan pendapatnya kerana syak atau terdapat riwayat hadith yang lebih kuat. Mereka mengatakan bahawa hadith-hadith yang menunjukkan kepada perintah untuk menjauhi orang yang dikena penyakit kusta, lebih banyak jalan keluarnya serta banyak sanad yang meriwayatkannya. Dengan demikian, mengambil hadith berselisih dengan riwayat Abu Hurairah adalah lebih tepat. Dan hadith yang diriwayatkan oleh Jabir bahawa Baginda memegang tangan orang yang dikena kusta itu kemudian memasukkan ke dalam pingganinya merupakan hadith yang mesti diteliti terlebih dahulu.

Sandaran dan pendapat kumpulan kedua ini dijawab: Bahawa kaedah menggabungkan kedua-dua hadith di atas adalah lebih baik. Sebab hadith yang menyatakan: Tiada penyakit yang menyebar itu telah tetap daripada riwayat Abu Hurairah, ‘Aishah, Ibnu ‘Umar, Sa‘ad bin Abi Waqqas, Jabir dan lain-lainnya. Maka tidak benar pernyataan yang mengatakan bahawa hadith-hadith berkenaan memiliki kecacatan atau keda‘ifan.

KAEDAH PENGGABUNGAN KEDUA-DUA HADITH DI ATAS (AL-JAM‘U):

Kaedah Pertama: Menyatakan bahawa tiada penyakit yang berjangkit secara mutlak, dan hadith tentang perintah untuk menjauhi orang yang dikena kusta ditafsirkan sebagai penjagaan terhadap perasaan pesakit

tersebut. Alasannya adalah apabila orang yang terkena penyakit kusta itu melihat kepada orang yang sihat, maka dia akan berperasaan bahawa penyakit yang dideritanya merupakan musibah yang amat besar dan bertambahlah kesedihannya. Pemahaman ini semisal dengan hadith yang bermaksud: Janganlah kamu terlalu lama memandang kepada orang yang terkena penyakit kusta.

Kaedah Kedua: Berusaha mendekatkan kedua-dua hadith berkenaan kepada pendekatan yang berasingan. Iaitu: Hadith yang menyatakan tiada penyakit yang berjangkit pendekatannya adalah bagi orang yang kuat keyakinannya dan baik tawakalnya kepada Allah swt. Dan orang yang bersifat seperti ini, boleh menolak kepercayaan tentang adanya penyakit berjangkit. Sesiapa yang mempunyai keyakinan kuat tidak akan terkesan oleh perkara-perkara yang menjejaskan keyakinannya kepada Allah s.w.t. Hal ini semisal dengan suatu kekuatan semulajadi yang dapat menolak penyakit dan membinasakannya. Dengan demikian, maka hadith yang diriwayatkan oleh Jabir bahawa orang yang terkena penyakit kusta makan dari pinggan Baginda dan riwayat-riwayat yang semisal dengannya dikaitkan dengan perkara ini. Adapun perintah untuk menjauhi orang yang terkena penyakit kusta, pendekatannya adalah bagi orang yang lemah keimanannya dan belum sempurna tawakkalnya kepada Allah swt. Maka ianya tidak mempunyai kekuatan untuk menolak keyakinan tentang adanya penyakit yang berjangkit. Matlamat terakhir adalah untuk menghindarkan daripada adanya keyakinan penyakit yang menyebar itu daripadanya serta dia tidak langsung menyatakan bahawa penyakit itu sememangnya berjangkit.

Kaedah Ketiga, ialah apa yang perkatakan oleh Ibnu Hajar al-^cAsqalany (1379: 329) dengan menukil kenyataan al-Qadi Abu Bakar al-Baqlani mengenai adanya penyakit yang berjangkit khas daripada penyakit kusta sahaja atau yang sejenis dan tidak adanya penyebaran selain dari penyakit kusta berkenaan. Maka maksud dari sabda beliau: “Tidak ada penyakit yang berjangkit” (لا عدوى) kecuali dari kusta, lepra dan gatal-gatal.

Kaedah Keempat: Bukanlah perintah untuk menjauhi orang yang di kena penyakit kusta menjelaskan adanya penyakit berjangkit pada sesuatu, tetapi perkara itu merupakan perkara biasa (tabi^ci) iaitu adanya perpindahan suatu penyakit dari badan seseorang ke badan orang lain dengan cara berpegangan, hidup bersama, menghirup bau.

Maka dari itu banyak yang terjadi dalam kebiasaannya wujud berpindahnya penyakit dari orang yang sakit kepada orang yang sihat dengan sebab hidup bersama. Toriqah bin Qutaibah berkata: Orang yang dikena penyakit kusta baunya semakin kuat sehingga boleh menyebabkan sakit bagi orang yang banyak bergaul, berbicara atau tidur dengannya. Maka dari itu, hal ini banyak terjadi bagi seorang perempuan dan lelaki atau sebaliknya bahkan anak kecil sekalipun boleh dijangkiti pula. Para doktor menasihati agar menjauhi orang yang dikena penyakit kusta, bukan kerana adanya penyakit yang berjangkit itu akan tetapi kerana adanya kesan bau yang boleh membuat orang sakit kerana sentiasa menghirup bau itu. Dari itu, Baginda bersabda: “Jangan nampakkan orang yang sakit itu kepada orang yang sihat”, sebab penyakit gatal yang basah yang terdapat pada unta dan ianya berkumpul bersama unta lain atau dalam satu tempat, boleh saja berjangkitnya itu melalui air yang mengalir darinya. Dan sabda Baginda: “Tiada penyakit yang berjangkit” mempunyai makna lain iaitu adanya penyakit di suatu tempat seperti wujudnya penyakit ta^un, maka semestinya menjauhi darinya kerana khawatir dijangkiti.

Kaedah Kelima: Maksud dari tiadanya penyakit berjangkit iaitu bahawa sesuatu itu tidak berjangkit secara semulajadi, sebab orang-orang di zaman Jahiliyah dahulu berkeyakinan bahawa penyakit itu berjangkit secara semulajadi dengan menisbatkannya kepada Allah dan bukan kehendakNya, maka Baginda menghapuskan keyakinan ini sehingga beliau makan dengan orang yang terkena kusta untuk memberikan pemahaman bahawasanya Allah swt. yang memberikan penyakit bagi seseorang dan Dia pulalah yang menyembuhkannya. Beliau juga melarang mereka agar tidak mendekat dari orang yang dikena kusta untuk memberikan pemahaman bahawa perkara itu boleh menjadi sebab yang ditentukan Allah swt. bagi mengakibatkan kepada sesuatu. Adanya pelarangan dari Baginda menunjukkan kepada adanya sebab-sebab itu. Sedangkan apa yang dilakukan oleh beliau menunjukkan bahawa penyakit itu berjangkit bukan sendirinya, akan tetapi adalah kerana kehendak Allah. Apabila Allah berkehendak untuk mencabut penyakit itu maka seseorang itupun boleh menjadi kuat, dan penyakit itu tidak akan berkesan sama sekali, manakala jika Allah mengekalkan penyakit itu kemudian berkesan kepada yang lain. Dan boleh sahaja, ketika Baginda makan dengan yang dikena penyakit kusta itu, beliau menganggap perkara itu sebagai perkara mudah sehingga penyakit

yang seperti itu sememangnya tidak berjangkit dan tidak setiap orang yang dikena penyakit kusta itu semuanya sama serta penyakit itu tidak akan berjangkit dari keseluruhan mereka, bahkan penyakit berjangkit itu sebenar tidak ada.

Al-Imam al-Baihaqi (1994:216) berkata setelah menukil pernyataan al-Shaffi: Penyakit kusta dan penyakit vitiligo, sepertimana yang diyakini oleh ahli sains dari kalangan doktor atau penyelidik sebagai penyakit yang banyak berjangkit kepada suami. Ianya merupakan penyakit yang menghalang daripada hubungan suami isteri. Seseorang tidak akan merasa selesa dalam berhubungan badan dengan orang yang dikena penyakit itu, begitu sebaliknya bagi seorang perempuan. Begitu pula dengan anak, iaitu sedikit sekali mereka yang selamat dari penyakit itu, walaupun selamat, ianya tetap diambil kira sebagai keturunannya. Al-Baihaqi (1994:216) berkata pula: Apa yang ditetapkan oleh Baginda saw. bahawa tiada penyakit yang berjangkit sepertimana yang diyakini pada masa Jahiliyah dengan menyandarkan perkara itu kepada Allah. Kerana Allah kadang-kadang dengan kehendakNya apabila orang yang sihat bergaul dengan orang yang sakit, akan dikehendaki dengan penyakit itu juga. Maka dari itu Baginda bersabda: Menjauhilah kamu dari orang yang dikena penyakit kusta sepertimana kamu menjauhi dari kejaran singa. Dan sabda beliau juga: Jangan tampakkan orang yang sakit kepada orang yang sihat. Serta beliau bersabda tentang penyakit ta'un iaitu sesiapa yang mendengar tentang penyakit itu ada di suatu tempat, maka jangan mendatangnya, kerana setiap sesuatu itu melalui kehendak Allah.

Kaedah Keenam: Mempraktikkan hadith yang menyatakan tiada penyakit berjangkit secara mutlak. Dan membawa hadith yang menyatakan untuk menjauhi si pesakit kusta sebagai keberhati-hatian. Alasannya bagi orang yang bergaul dengan orang yang dikena kusta itu terjadi suatu penyakit, kemudian menyangka bahawa perkara itu sebagai sebab pergaulannya dan menetapkan adanya penyakit berjangkit yang telah dinafikan oleh syara^c. Ibnu Hajar al-^cAsqalany (1379: 329) menukil kenyataan Abu ^cUbaid bahawa: Bukanlah maksud dari sabda Baginda: "Jangan tampakkan orang yang sakit kepada orang yang sihat", menunjukkan kepada adanya penyakit berjangkit. Akan tetapi apabila orang yang sihat kemudian sakit kerana ketentuan Allah, ianya akan meyakini, penyebabnya adalah kerana bergaul dengan orang yang sakit itu, sehingga terdapat fitnah

dan syak di dalam dirinya, maka Baginda menyuruhnya untuk menjauhinya. Ibnu Hajar al-^cAsqalany (1379: 329) mengulas bahawa Ibnu Khuzaimah menjelaskan tentang perkara ini di dalam kitab Tawakkal dan mengambil hadith-hadith yang berkenaan dengan tiada penyakit yang berjangkit dari sanad beberapa para sahabat serta hadith: Janganlah dicampurkan orang yang sakit dengan orang yang sihat dari riwayat Abu Hurairah. Begitu pula Ibnu Hazm mengulas panjang perkara ini dalam kitab "*al-Tawakkul*" dan meletakkan hadith "Tiada Penyakit yang berjangkit" yang diriwayatkan oleh sesetengah sahabat dan hadith "Jangan dedahkan orang yang sakit kepada orang yang sihat" dari riwayat Abu Hurairah. Beliau meletakkan tajuk bagi hadith pertama: "Tawakkal kepada Allah, sememangnya tiada penyakit yang berjangkit". Sedangkan bagi hadith kedua beliau memberikan tajuk: "Adanya *akhbar* di mana sesetengah ulama silap dalam memahaminya sehingga menetapkan adanya penyakit yang berjangkit yang telah ditiadakan oleh Baginda s.a.w.".Kemudian beliau meletakkan dalil itu dengan kenyataan bahawa Baginda s.a.w. tidak menghendaki adanya penyakit yang berjangkit itu dengan perkataan semacam ini, maka oleh itu hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah mengenai tiada penyakit yang berjangkit dan selepas itu ada orang badui (asli) berkata: Bagaimana dengan keadaan unta yang bergaul dengan unta yang kena penyakit (kulit) kemudiannya unta itu turut terkena penyakit pula, Beliau menjawab: Siapa yang menurunkan penyakit terhadap unta yang pertama (yang sakit itu)? Ibnu Hazm juga mengeluarkan hadith tentang perintah untuk menjauhi seseorang yang dikena penyakit kusta/lepra, dimana ada sesetengah orang menyatakan adanya penyakit yang berjangkit dengan berdasar pada hadith ini. Padahal perkara itu bukan seperti yang mereka perkatakan, akan tetapi Baginda s.a.w. menyuruh agar menjauhi seseorang yang berpenyakit lepra/kusta sebagai rasa kasihan dan kasih sayang serta khawatir bagi seseorang yang bergaul dengan seseorang yang berpenyakit lepra, ianya dikena dan ditaqdirkan untuk mengalami penyakit yang sama atau beliau berkehendak agar seseorang tidak mempercayai tentang adanya penyakit yang berjangkit itu. Oleh itu beliau menjelaskan bahawa sesuatu itu tidak akan berjangkit terhadap sesuatu yang lain. Perkara ini dikukuhkan dengan bukti bahawa Baginda Rasulullah s.a.w. makan bersama seseorang yang terkena penyakit lepra/kusta sebagai rasa tawakkal kepada Allah. Adapun larangan beliau untuk tidak mengambil masa lebih lama ketika menengok kepada seseorang

yang mempunyai penyakit kusta/lepra, kerana orang yang dikena lepra itu sememangnya tidak suka untuk dipandang lebih lama oleh seseorang yang sihat disamping penyakit ini sangat sedikit dialami oleh seseorang dan ianya tidak sukakan orang lain menyelidikinya.

Ibnu Hajar al-^cAsqalany (1379: 329) menukil kenyataan Al-Syaikh Abu Mohammad bin Abu Jamrah bahawa: Perintah untuk menjauh dari pesakit kusta sebagaimana lari dari kejaran singa bukan perintah wajib, akan tetapi ianya bersifat sebagai kasihan dan kasih sayang kerana beliau sentiasa melarang umatnya agar tidak tercebur kepada sesuatu yang membahayakan dan sebaliknya beliau membimbing mereka kepada suatu kebaikan. Jika sahaja perintah untuk menjauhinya sebagai perintah wajib, maka tidak mungkin beliau akan makan bersama seseorang yang dikena penyakit kusta/lepra tadi. Dan untuk menggabungkan antara kenyataan dengan perilaku beliau iaitu: kenyataan beliau merupakan sesuatu yang disyariatkan terutamanya bagi umat beliau yang lemah keimanannya adapun perilaku beliau adalah bagi umatnya yang imannya kukuh. Maka sesiapa yang melakukan perkara pertama (menjauh dari orang yang terkena lepra/kusta) bererti ianya telah melakukan salah satu sunnah yang ada dan bahkan boleh mengambil hikmah daripadanya dan sesiapa yang melakukan perkara kedua bererti di dalam dirinya terdapat sebuah keyakinan yang kokoh kerana sesuatu tidak akan berkesan terhadap yang lain kecuali telah ditetapkan oleh Allah swt. Allah berfirman: Dan mereka tidak akan dibuat bahaya oleh seseorang kecuali dengan ketentuan dan ketetapan dari Allah swt. Dengan demikian, bagi sesiapa yang kukuh imannya, bolehlah baginya untuk mengikuti perilaku Baginda s.a.w. dan bagi sesiapa yang lemah imannya maka baginya agar mengikuti perintahnya untuk menjauhi seseorang yang terkena penyakit itu, agar dirinya tidak tercebur kepada kebinasaan. Dan kesimpulannya: Bahawa perkara-perkara yang sekiranya mengandungi suatu bahaya atau kerosakan, maka Allah telah menurunkan hikmah yang boleh dilakukan dan tidak sepatutnya bagi seseorang yang lemah imannya untuk mendekatinya, dan bagi yang kukuh imannya, mereka boleh berbuat perkara itu atau tidak. Dan Hadith tersebut sebenar menyimpan hikmah bagi orang-orang yang lemah imannya kerana mereka lebih ramai bilangannya daripada orang-orang yang kukuh imannya. Allah s.w.t. adalah penyembuh bagi penyakit. Para doktor dan ubat-ubatan adalah merupakan alat-alat untuk menyembuh penyakit. Inilah hakikat perubatan keislaman. Al-quran menjelaskan hal ini dengan sejelas-

jelasan, iaitu ketika Allah berfirman yang maksudnya: “Dan apabila aku sakit, Dialah Yang menyembuhkan aku”.(QS.26:80).

Menurut Ahmad Taha (1986:103) bahwa hakikat ini meletakkan para doktor dan ubat-ubatan pada tempat yang sebenarnya. Ubat-ubatan dapat menyembuhkan penyakit dengan izin Allah. Rawatan yang dijalankan beserta dengan diagnosis penyakit yang diteliti tidak menjejaskan kuasa Allah, sekiranya Allah tidak mengizinkan supaya penyakit itu sembuh. Dalam masyarakat sekular para doktor nampaknya bertindak seolah-olah mereka dapat menciptakan kehidupan sehingga dengan itu mereka membahagikan para pesakit kepada beberapa kategori, iaitu pesakit yang dapat disembuhkan, maka dengan itu ia memberikan rawatan yang serapi-rapinya dan pesakit yang mustahil dapat disembuhkan kerana penyakitnya yang terlalu tenat atau umurnya yang telah tua, maka ia tidak diberikan rawatan yang cukup. Sekiranya seorang pesakit itu sembuh, maka doktor itulah yang menyembuhkannya, tetapi jika sebaliknya, maka nature itulah yang tersilap.

Abd Al-Razzaq Al-Kailani (1996:144) menukil kenyataan Ibnu al-Qayyim bahawa penyakit berjangkit sememangnya ada, tetapi ianya tidak akan terjadi kecuali dengan kehendak Allah swt. Dan seseorang yang biasanya dikena penyakit berjangkit iaitu seseorang yang lemah dalam bertawakkal kepada Allah swt. dan tidak yakin kepadaNya. Sedangkan bagi seseorang yang tawakkalnya kukuh sepertimana tawakkalnya Baginda Rasulullah saw. atau Sayyidina Umar bin Khattab, maka tidak semestinya takut kepada penyakit berjangkit itu. Namun walaupun demikian, apa yang mesti dilakukan oleh seorang muslim adalah berhati-hati dalam menjerusmuskan diri kepada suatu penyakit sebab pencegahan lebih baik daripada perubatan.

Idrus H. Alkaf (1995:11) menyatakan bahawa ramai orang menyangka bahawa doktor-doktor atau ubat-ubat yang diberikan kepada pesakit mempunyai cukup kekuasaan untuk menyembuhkan penyakit, tetapi nyatalah persangkaan yang serupa itu adalah salah. Jelaslah bahawa Allah yang menyembuhkan segala penyakit.

Sedangkan menurut H. A. Sanoesi (1999:5-6) bahawa sakit dan penyakit, meskipun secara lahiriah merupakan penderitaan atau kesusahan, namun pada hakikatnya merupakan kasih sayang atau rahmat Allah swt. kepada hambaNya. Dalam memberikan ujian sakit

atau penyakit, Allah memandang bahawa si penerima ujian secara psikologi diuji tahap kesabarannya. Tahap kesabaran adalah cermin kematangan iman dan kedewasaan jiwa. Tanpa latihan, ujian dan dorongan, maka tidak akan tercapai sifat kedewasaan ini. Kesakitan adalah salah satu bahagian daripada ujian tersebut, baik untuk pesakit mahupun untuk keluarganya, dan juga pihak-pihak yang terlibat dalam pengelolaan perawatan penyakit di tempat penjagaan kesihatan. Sikap yang baik dalam menerima ujian ini secara ikhlas, sabar dan tawakkal akan membawa semua yang terlibat; baik pesakit, keluarga pesakit mahupun pemberi perkhidmatan kesihatan, kearah pematangan iman dan kedewasaan jiwa.

KESIMPULAN:

Bagi sesiapa yang memiliki kepedulian terhadap sunnah Nabi s.a.w. maka bekal utamanya adalah memiliki ilmu pengetahuan yang luas mengenai sunnah beliau, samada secara teori (*nadzari*) atau praktis langsung (*amali*) dan tanpa berputus asa di dalam menjalankan tugas suci ini. Dua metode di atas dapat memberikan kesan positif bagi menyingkap khazanah sabda-sabda Baginda Rasulullah s.a.w. Dan memberikan kesedaran bahawa sudah semestinya khazanah ini dijaga dan dipelihara hingga ke akhir zaman.

RUJUKAN:

- 1) Ahmad Taha, Attib al-Islami. 1986. *Kedokteran Islam (terjm.Ismail Ibrahim)*. Kaherah: Dar Al-I'tisam.
- 2) Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1987. *Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibnu Kathir Al-Yamamah.
- 3) Al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husain bin ^cAli. 1994. *Al-Sunan al-Kubra*. Makkah al-Mukarramah. Maktabat Dar al-Baz.
- 4) Al-Kailani, Dr. Abd al-Razzaq. 1996. *Al-Haqaiq al-Tibbiyyah fi al-Islam*. Damsyik: Dar Al-Qalam.
- 5) An-Nawawi, Yahya Ibn Sharaf. 1392 H. *Sharah Al-Nawawi ^cAla Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' At-Turath Al-^cArabi.
- 6) Brown, Daniel W. t.t.h. *Menyoal Relevansi Sunnah dalam Islam Moden*, Jakarta: Gemma Insani Prees.
- 7) Hafiz Firdaus Abdullah 2007. *Kaedah Memahami Hadith-hadith yang Bercanggah*, Johor: Jahabersa.
- 8) Ibnu Hajar Al-^cAsqalani, Ahmad bin ^cAli. 1379 H. *Fath Al-Bari Bi Sharah Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar Al-Ma^crifah.
- 9) Idrus H. Alkaf. 1995. *Cara Rawatan Diri dan Pengubatan*. Kuala Lumpur: Dar Al-Nu'man.
- 10) Dr. H.A Sanoesi T. 1999. *Konsep dan Operasi Perubatan Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- 11) Dr. Danial Zainal Abidin. 1988. *Konsep Perubatan Islam*. Pulau Pinang: Pustaka Nahnu.
- 12) Dr. Danial Zainal Abidin. 2002. *Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden*. Pahang: PTS Publications & Distributors SDN. BHD.
- 13) Muslim Ibn Hajjaj. *Sahih Muslim*. 1991. Beirut: Dar Ihya' At-Turath Al-^cArabi.